



Headline: JERAT PANGGILAN 'SCAM'

Publication/Portal: Harian Metro

Date: 1 June 2021


Language: Malay

Section: IT@Metro


Page: 34

34 | #ITMETRO

HARIAN METRO
SELASA 1 JUN 2021



JERAT PANGGILAN 'SCAM'



PANGGILAN palsu seperti promosi insurans.

Hampir 97 peratus taktik penipuan terbabit dibuat oleh nombor telefon didaftarkan menerusi talian domestik

FOKUS

Oleh Muhammad Saufi Hassan
saurfi@mediaprima.com.my

Pengguna di luar sana pastinya sudah 'terbiasa' menerima panggilan 'spam' seperti promosi insurans, pembelian atas talian sehingga kepada panggilan berbentuk penipuan.

Ia secara tidak langsung mengganggu pengguna apabila terpaksa menerima panggilan telefon daripada nombor yang tidak didaftarkan dalam kenalan dan terpaksa 'melayan' panggilan itu.

Selain daripada panggilan berbentuk 'spam' terbabit, wujud juga kegiatan penipuan untuk memperdayakan mangsa dengan melakukan

penyamaran.

Wujud pelbagai taktik penipuan pada waktu ini bermula daripada menggunakan e-mel jenis 'phishing' sehingga kepada taktik paling konvensional iaitu pengguna panggilan palsu.

Panggilan palsu ini termasuk menyamar sebagai kakitangan institusi perbankan, agensi penguatkuasaan dan pelbagai sektor lagi semata-mata untuk memperdayakan mangsa.

Walaupun banyak pendedahan sudah dibuat oleh pihak berkuasa dan media, namun masih ada dalam kalangan pengguna yang terjerat terutama pengguna yang 'agak jauh' daripada penggunaan teknologi semasa.


Pada tahun lalu, wujud peningkatan kira-kira 2.7 peratus untuk panggilan

'spam' ini dan data kajian itu dikeluarkan oleh aplikasi pengesanan nombor telefon pintar, Truecaller penghujung tahun lalu.

Berdasarkan kajian itu memperlihatkan bahawa hampir 97 peratus panggilan 'spam' terbabit dibuat oleh nombor telefon yang didaftarkan menerusi talian domestik, sekali gus mengelirukan pengguna yang lain.

Syarikat pembangun aplikasi itu yang berpangkalan di Sweden turut mendedahkan bahawa panggilan penipuan atau 'scam' merekodkan 24 peratus berbanding panggilan daripada kategori lain.

Aplikasi Truecaller juga menyatakan hasil daripada kajian menyeluruh mereka mendapati 41 peratus



(222) 338 70XX

Spam Call

MAJORITI panggilan penipuan menyasarkan pengguna yang sudah berusia, kanak-kanak dan suri rumah.

majoriti panggilan penipuan terbabit menyasarkan pengguna yang sudah berusia, kanak-kanak dan suri rumah.

Taktik penyamaran menjadi modus operandi mereka manakala objektif hanya untuk mendapatkan wang dengan cara yang lebih mudah.

Aplikasi Truecaller berkenaan mampu untuk memberi notifikasi awal kepada pengguna berhubung identiti pemanggil serta kebanyakan nombor telefon yang digunakan untuk 'spam' dan penipuan sudah dilabel untuk memberi peringatan kepada pengguna.

Truecaller mampu menjadi medium pencegahan awal, sekali gus memberi peringatan kepada pengguna supaya mengambil langkah berjaga-jaga tatkala menerima panggilan yang sudah dilabel sebagai 'spam' atau 'scam'.

panggilan 'spam' dibuat daripada perkhidmatan kewangan, 24 peratus panggilan penipuan dan 15 peratus untuk tawaran insurans.


Pembangun aplikasi itu juga merekodkan penurunan yang drastik untuk panggilan spam terutama ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa pertama iaitu pada Mac dan April tahun lalu.

Untuk tempoh itu, jumlah panggilan spam direkodkan pada sekitar enam juta panggilan dan menurun kepada dua juta pada April tahun lalu.

Aplikasi Truecaller percaya bahawa penurunan drastik itu bertitik tolak kepada akses terhad terhadap 'telemarketers' termasuk kelompok penipuan menggunakan panggilan telefon.

Bagaimanapun, angka berkenaan terus meningkat pada bulan-bulan kebelakangan ini.


Truecaller juga menyatakan bahawa



true

Block

Number Search & Spam Identification



SPAM

Political Robocall

Identified by truecaller

Remind Me

Message

Decline



11:52

Robber

PENGUNA boleh memuat turun aplikasi pengenalan pemanggil seperti Truecaller untuk mengetahui nombor telefon setiap pemanggil yang tidak didaftarkan dalam senarai kenalan.

TERDAPAT peningkatan dalam rekod panggilan spam berlaku di negara ini sepanjang tahun lalu.